

KEDAULATAN INSTITUSI DIRAJA

(Sempena Hari Hol Pahang)

19 MEI 2023 / 28 SYAWAL 1444H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Bersempena dengan Hari Hol Negeri Pahang pada 22 Mei setiap tahun iaitu hari memperingati kemangkatan Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah al-Mustain Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muadzam Shah serta mengenangkan jasa-jasa dan sumbangan bakti baginda kepada agama, rakyat dan negeri Pahang. Allah Subhanahu wa-Ta'ala telah berfirman dalam surah al-Haj ayat 41:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ
وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ^{قُل} وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

Yang bermaksud: "Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta mengeluarkan zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan. "

Ayat ini menjelaskan bahawa tanggungjawab dan syarat-syarat menjadi pemimpin Islam hendaklah menjaga kedaulatan agama Islam dengan mengajak orang mendirikan solat dan mengeluarkan zakat serta melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar. Inilah fungsi utama Institusi Diraja yang terdapat di negara kita. Peranan Tuanku Sultan sebagai ketua agama dan raja pemerintah di negara ini adalah memartabatkan kedaulatan Islam dan kepentingan umat Islam serta rakyat keseluruhannya.

Institusi Diraja juga turut berperanan melaksanakan amanah Allah Subhanahu wa-Ta'ala sebagai khalifah di bumi ini untuk menyebarkan agama Islam dengan mengajak manusia beriman kepada Allah dan Rasul-Nya agar mengerjakan apa yang diperintah oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya supaya manusia ini diangkat darjatnya di sisi Allah Subhanahu wa Taala. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-An'am ayat 165:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَبْلُوكُمْ فِي
مَاءِ آتَاكُمْ ^{قَالَ} إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

Yang bermaksud: *"Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Marilah kita bersama-sama bersyukur, kerana dikurniakan kehidupan bermasyarakat yang aman tanpa sengketa yang besar. Kestabilan dan keamanan yang dikecapi oleh rakyat di negeri dan negara ini adalah kerana kita masih diperintah oleh Institusi Raja Berperlembagaan. Di negeri Pahang ini, kita juga bersyukur kerana negeri kita masih berada dalam pemerintahan yang adil di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin al-

Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta'in Billah.

Kita hendaklah mempertahankan negara kita ini sebagai sebuah negara Islam supaya tidak diambil alih oleh musuh-musuh Islam. Oleh itu, kita hendaklah mengekalkan dan mempertahankan Institusi Diraja agar terus menerajui kepimpinan negara kita supaya kedaulatan Islam terpelihara.

Cara pemerintahan sebeginilah yang telah dilakukan oleh para nabi semasa mereka diutuskan menjadi Rasul untuk memimpin sesebuah negara. Pemerintahan seperti ini juga telah dilaksanakan oleh Nabi Sulaiman Alaihi Salam. Baginda menjadi seorang pemerintah yang hebat dapat menguasai alam selain manusia, bahkan ramai pemerintah kerajaan lain menjadi Islam dengan sebab kedaulatan yang dimilikinya dan begitu juga pemerintahan Sultan Salahuddin al-Ayyubi pada zamannya dapat mengalahkan tentera Salib dan membebaskan Baitul Maqdis . Ingatlah bahawa kedaulatan hanya akan diperolehi sekiranya negara ditadbir

berlunaskan kebenaran, saksama dan menjauhi nafsu. Hayatilah perintah Allah Subhanahu wa Taala dalam surah Sod ayat 26:

يٰۤاٰدُوۤدُ اِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيۡفَةً فِى الْاَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوٰى فَيُضِلَّكَ
عَنْ سَبِيۡلِ اللّٰهِ اِنَّ الَّذِيۡنَ يَضِلُوۡنَ عَنْ سَبِيۡلِ اللّٰهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيۡدٌۢ بِمَا نَسُوۡا يَوْمَ
الْحِسَابِ ﴿٢٦﴾

Yang bermaksud: *"Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu daripada jalan Allah. Sesungguhnya orang yang sesat daripada jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu."*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Marilah kita bersama-sama merenung sejenak, betapa besarnya peranan Institusi Diraja dalam negara dan negeri kita yang tercinta. Jagalah kedaulatan Institusi Diraja, bersesuaian dengan posisi kita dalam masyarakat. Hayatilah Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam seperti dalam hadis riwayat Imam Abu Daud:

Yang bermaksud: *"Antara amalan yang membesarkan Allah ialah memuliakan seorang muslim yang telah berusia, memuliakan pembaca al-Quran yang baik, tidak melampau bacaanya dan tidak meninggalkannya, serta memuliakan sultan yang adil."*

Firman Allah dalam surah an-Nisa ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ
إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ
وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.